

ANALISIS KURIKULUM HALAL DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM KSSM

Nursafra Mohd Zhaffar¹ & Wan Ali Akbar Wan Abdullah²

E-JITU

Acceptance date:
15 January 2021

Valuation date:
15 February 2021

Publication date:
30 April 2021

ABSTRAK

Konsep halalan toyyiba amat dititikberatkan dalam kehidupan umat Islam. Terdapat pelbagai kurikulum, program atau modul dibangunkan khusus untuk memberikan kesedaran terhadap kepentingan pendidikan halal. Kajian ini bertujuan meneliti kurikulum halal yang diajar kepada murid-murid dengan menampilkan analisis dokumen kurikulum Pendidikan Islam terkini dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Dapatkan kajian menemui kurikulum halal diajarkan dalam subjek Pendidikan Islam KSSM bersifat menyeluruh. Terdapat dua kategori kurikulum halal dalam subjek Pendidikan Islam KSSM. Kategori pertama iaitu tajuk secara eksplisit memzahirkan fokus kepada kurikulum halal, dan kategori kedua iaitu tajuk-tajuk yang disentuh secara implisit berkenaan halal dan haram merangkumi bidang; a) Akidah, b) Ibadah, c) Nikah, d) Muamalat, e) Jenayah, dan f) Akhlak. Kajian ini memberi implikasi kepada penggubal kurikulum untuk merangka dan menyesuaikan kesinambungan kurikulum halal yang diterima oleh para murid selepas pengajian di peringkat sekolah menengah. Di samping itu, dapatkan kajian ini dapat memberikan panduan atau kerangka kepada para guru Pendidikan Islam supaya dapat menyusun keseluruhan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam dengan mengaitkan semua topik PdP kepada konsep umum halal dan haram.

Kata kunci: Kurikulum halal, Pendidikan Islam, analisis kurikulum, Pendidikan Islam KSSM.

¹ Pensyarah Kanan ACIS UiTM Negeri Sembilan Kampus Rembau; nursafra@uitm.edu.my

² Calon PhD Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); wanaliakbar.kpm@gmail.com

PENGENALAN

Pemilihan kepada perkara yang halal adalah wajib bagi umat Islam, begitu juga dengan menghindari perkara yang haram. Konsep *halalan toyyiba* ditakrifkan sebagai halal iaitu merujuk kepada apa yang telah dihalalkan oleh Allah. Manakala, *toyyiba* ialah perkara yang halal tersebut bersesuaian dengan diri dan tidak mendatangkan mudarat kepada fizikal dan akal seseorang. Termasuk dalam pentafsiran konsep *halalan toyyiba* ini ialah ia terjamin kesuciannya dan bebas daripada *shubhah* dan dosa (termasuk cara mendapatkannya) (Syed Mohammad Hilmi et al., 2008). Penggunaan konsep ini bukan sahaja terpakai kepada makanan dan minuman, namun meliputi keseluruhan urusan kehidupan manusia, daripada sekecil-kecil perkara seperti makan dan minum, sehingga ke sebesar-besar perkara seperti urusan kenegaraan dan kemasyarakatan. Dalam hadis, an-Nukman bin Tsabit meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

... Dan di antara keduanya (halal dan haram) ada perkara syubhah yang tidak diketahui kebanyakan manusia...

(Muttafaqun ‘Alaih)

Ketika membahaskan hadis ini, para muhaddis menyebut bahawa maksud lafaz ini adalah fenomena syubhah berlaku kerana kejahilan umat Islam akan status sesuatu perkara itu, sehingga ia diragui halal atau haram (An-Nawawi, 1972; Ibn Hajar al-Asqalani, 1960). Oleh itu, syubhah tidak berlaku kepada para alim yang mengetahui dengan jelas dan yakin akan status sesuatu perkara itu. Oleh itu, melalui hadis ini, jelas ada keperluan yang penting bagi memberi penjelasan dan pengajaran kepada keseluruhan umat Islam agar mereka jelas akan status sesuatu perkara dan menjauhi perkara yang syubhah. Ia dapat dilakukan melalui pendidikan.

Pendidikan Kurikulum Halal di Malaysia telah berkembang dengan pesat seiring dengan penubuhan agensi-agensi kerajaan mahupun industri halal. Terdapat program, modul dan kurikulum halal dibangunkan dalam sektor pendidikan umumnya bertujuan melahirkan kesedaran terhadap kepentingan memilih yang halal berbanding sebaliknya.

Menurut Mohammad Aizat dan Mohd Anuar (2012), terdapat empat bentuk penganjuran program pendidikan kesedaran halal di Malaysia iaitu i) program anjuran pihak kerajaan seperti JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri, dan

program anjuran badan berkanun seperti Halal Industry Development Corporation (HDC) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), ii) program anjuran institusi pendidikan negara seperti Institut Penyelidikan Produk Halal Universiti Putra Malaysia, politeknik dan kolej komuniti, iii) program kendalian organisasi bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan iv) program kendalian orang perseorangan atau syarikat-syarikat latihan. Program-program yang ditawarkan ini adalah bersifat eksklusif kepada golongan sasaran tertentu.

Walau bagaimanapun, terdapat kepentingan untuk melihat sejauh mana murid-murid di peringkat sekolah menengah dide dahakan dengan pendidikan halal menerusi kurikulum baru Pendidikan Islam KSSM. Hal ini disebabkan, berdasarkan dapatan kajian ini, pihak berkaitan boleh merangka dan menyesuaikan kesinambungan kurikulum halal yang diterima oleh para murid di sekolah menengah sehingga ke peringkat seterusnya.

Kajian terkini oleh Noraizan dan Syuhaida (2019) mendapati maklumat mengenai kesedaran halal kurang disebarluaskan kepada murid-murid di sekolah. Namun, kajian tersebut didapati rencam kerana turut mengambil kira silibus lama sebelum pelaksanaan KSSM dan KSSR. Justeru, kajian ini bertujuan meneliti kurikulum halal yang diajar kepada murid-murid dengan menampilkan analisis dokumen kurikulum Pendidikan Islam terkini dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) berkaitan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara kualitatif, iaitu dengan kaedah analisis dokumen. Terdapat empat buku teks dan empat DSKP yang dianalisis, iaitu; Buku Teks PI tingkatan 1 (Rijaluddin Yahya, Norafidah Abdullah, & Wan Ali Akbar Wan Abdullah, 2016), tingkatan 2 (Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Johar Seman, & Salina Busrowi, 2017), tingkatan 3 (Rijaluddin Yahya, Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Norafidah Abdullah, & Kyairaniah Abu Hasan, 2018) dan tingkatan 4 (Rijaluddin Yahya, Mohd Tajudin Jamaludin, Rabiatun Adawiah Che Ramly, & Nor Haslina Adam, 2019) serta Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) tingkatan 1 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015), tingkatan 2 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016), tingkatan 3 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017), serta tingkatan 4 dan 5 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Buku teks PI tingkatan 5 akan mula digunakan pada 2021, maka ia tidak

dianalisis dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, kandungan kurikulum PI tingkatan 5 tetap dapat diteroka melalui DSKP PI tingkatan 4 dan 5.

Pengkaji melakukan analisis dokumen secara deduktif. Pengkaji memulakan dengan meneliti kesemua lapan dokumen tersebut bagi setiap topik yang bersangkutan secara khusus dengan bidang halal seperti Topik Makanan Yang Halal lagi Baik. Kemudian, pengkaji meneliti topik-topik yang umum berkaitan bidang Halal untuk dianalisis. Hasil carian kemudian dikelompokkan untuk dibandingkan bagi mencari persamaan dan perbezaan bagi membentuk tema-tema dapatan kajian sebagaimana saranan Merriam (2009) dan Harding (2013).

DAPATAN KAJIAN

Secara umumnya, kurikulum halal dalam subjek PI boleh dikategorikan kepada dua, iaitu; secara eksplisit dan secara implisit. Yang dimaksudkan dengan eksplisit adalah (dinyatakan) dengan tepat dan jelas, tanpa dikias-kias, tersurat, manakala yang dimaksudkan dengan implisit pula adalah (dinyatakan secara) tidak langsung atau tidak terang-terangan, tersirat (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016).

1) Eksplisit

Terdapat dua tajuk yang dinyatakan secara jelas memberi fokus kepada kurikulum halal, iaitu;

Tingkatan	Bidang	Tajuk
1	Al-Quran	Makanan yang Halal lagi Baik
2	Hadis	Mencari yang Halal

Jadual 1: Perincian tajuk berkaitan kurikulum halal secara implisit

Tajuk Mencari yang Halal adalah tajuk umum bagi kurikulum halal. Ia terletak dalam bidang Hadis dan diajar kepada pelajar tingkatan 2. Penyusunan hadis di tingkatan 2 dilihat menepati pandangan ulama yang menyatakan hadis ini termasuk dalam salah satu daripada tiga atau empat hadis yang menjadi usul agama (An-Nawawi, 1972; Ibn Hajar al-Asqalani, 1960). Oleh kerana tajuk ini termasuk dalam bidang Hadis, maka pembelajaran tajuk ini memberi fokus kepada syarahan terhadap maksud hadis. Hadis yang digunakan hadis muttafaqun ‘alaih (Wan Ali

Akbar Wan Abdullah et al., 2017), menggunakan lafaz Muslim (n.d.)³. Dalam tajuk ini, pelajar dikehendaki mencapai enam objektif pembelajaran, iaitu; 1) membaca hadis, 2) menyatakan terjemahan hadis, 3) menjelaskan maksud halal, haram dan syubhah beserta contoh, 4) menerangkan hikmah menjauhi perkara haram dan syubhah, 5) menerangkan peranan hati dalam kehidupan manusia, dan 6) menghuraikan pengajaran hadis (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

Melalui buku teks, maksud halal, haram dan syubhah menepati dengan maksud yang dinyatakan dalam Wizaratul Auqaf wa asy-Syu'un al-Islamiyyah (n.d.). Contoh yang diberikan meliputi topik pemakanan, pakaian dan perbuatan (Wan Ali Akbar Wan Abdullah et al., 2017). Hikmah yang diberikan pula merangkumi lima maqasid syariah, iaitu; menjaga agama, menjaga jiwa, menjaga akal, menjaga maruah dan menjaga harta. Pengajaran hadis pula diberikan dengan umum sesuai dengan keumuman tajuk ini.

Tajuk Makanan Halal lagi Baik pula adalah tajuk yang lebih fokus dan menjadi satu contoh kepada topik halal yang diajar secara umum dalam tajuk Mencari yang Halal. Dalam tajuk Makanan Halal lagi Baik, fokus diberikan kepada topik pemakanan. Namun, tajuk ini diajar dalam bidang al-Quran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015). Oleh itu, pembelajaran tajuk ini boleh diibaratkan seperti tafsir kepada ayat 168 surah al-Baqarah yang bermaksud:

Wahai manusia, makanlah daripada apa-apa yang terdapat di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh kamu yang nyata.

(Abdullah Basmeih, 2011)

Pelajar perlu mencapai tujuh objektif pembelajaran, iaitu; 1) membaca ayat al-Quran, 2) menyatakan terjemahan ayat, 3) menjelaskan tuntutan pengambilan makanan yang halal lagi baik, 4) menjelaskan maksud makanan halal dan haram, 5) menerangkan akibat memakan makanan haram, 6) menghurai perbezaan antara makanan halal dan haram, dan 7) menghurai pengajaran ayat (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015). Melalui buku teks, dapat dilihat bahawa makanan yang halal lagi baik dijelaskan melalui dua aspek, iaitu; makanan yang halal dan makanan yang baik. Makanan yang halal dijelaskan melalui tiga aspek, iaitu; 1) penggunaan ramuan yang halal, 2) cara pemprosesan makanan, dan 3) cara

³ Rujuk riwayat Muslim, (no. Hadis: 107-(1599).

memdapatkan makanan. Makanan yang baik pula dijelaskan dari sudut kebersihan, khasiat, seimbang dan dimakan mengikut keperluan. Keseimbangan pemakanan turut dipersembahkan melalui grafik pembahagian makanan dalam pinggan, manakala khasiat dan keperluan pemakanan dipersembahkan melalui pyramid makanan.

Kedua-dua tajuk (Makanan Halal lagi Baik dan Mencari yang Halal) menyentuh mengenai keperluan untuk merujuk kepada JAKIM dalam urusan pemakanan halal. Logo Halal JAKIM turut diperkenalkan kepada pelajar.

2) Implisit

Oleh kerana halal dan haram adalah tajuk umum yang boleh merangkumi keseluruhan urusan agama, maka keseluruhan tajuk dalam Pendidikan Islam boleh dikaitkan dengan tajuk halal dan haram. Terkandung dalam maksud halal adalah wajib, sunat, harus dan makruh mutlak menurut pandangan jumhur dan makruh tanzih menurut pandangan ulama Hanafi (Wizaratul Auqaf wa asy-Syu'un al-Islamiyyah, n.d.). Oleh hal yang demikian, banyak tajuk halal dan haram disentuh secara implisit dalam Pendidikan Islam. Ia boleh dikategorikan mengikut enam kategori, iaitu; a) Akidah, b) Ibadah, c) Nikah, d) Muamalat, e) Jenayah, dan f) Akhlak.

a) Akidah

Tajuk akidah terkandung secara implisit dalam bidang akidah. Di awal penyusunan kurikulum, penekanan diberikan kepada kepercayaan yang mesti dipegang oleh umat Islam. Maka, penyusunan kurikulum adalah berdasarkan rukun Iman yang enam dan segelintir perbahasan mengenai nama-nama Allah. Selain itu, pelajar turut didedahkan dengan dasar pegangan ahli sunnah wal jamaah ketika berada di tingkatan 5. Secara ringkasnya, perkara halal dalam bidang akidah adalah seperti berikut:

Pembelajaran akidah	Nama Allah
Tingkatan 1 Beriman kepada Allah	Al-Khaliq dan al-Musawwir
Tingkatan 2 Beriman kepada malaikat dan kitab	Al-Qadir dan al-Qawiy
Tingkatan 3 Beriman kepada rasul, hari akhirat serta Qada' dan Qadr	Al-Ghaniy dan ar-Razzaq

Qadar

Tingkatan 4	-	Al-Muntaqim dan al-Jabbar
Tingkatan 5	Akidah ahli sunnah wal jamaah	Ar-Raqib dan asy-Syahid

Jadual 2: Perincian kurikulum halal dalam bidang akidah

Pembelajaran mengenai Rukun Iman yang enam berakhir di tingkatan 3. Selanjutnya, ketika di tingkatan 4, pelajar mula didedahkan dengan perkara yang haram dalam bidang akidah pula, iaitu tentang perkara yang membatalkan iman dan ajaran sesat (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Selain itu, pelajar turut diajar untuk memahami tiga ajaran yang bertentangan dengan akidah ahli sunnah wal jamaah, iaitu; Syiah, Khawarij dan Muktazilah serta beberapa isu yang sering menjadi perbahasan antara ahli sunnah wal jamaah dengan ketiga-tiga mazhab tadi (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018).

Secara eksplisit pula, ada beberapa tajuk lain yang turut menekankan mengenai akidah, antaranya;

	Bidang	Tajuk	Kategori Halal atau Haram
Tingkatan 1	Al-Quran	Iblis dan Syaitan yang Durjana	Haram
	Hadis	Ikhlas dalam Kehidupan	Halal
	Hadis	Jihad dalam Islam	Halal
	Sirah	Era Masyarakat Jahiliah	Haram
Tingkatan 2	Al-Quran	Allah Pengurnia Hidayah	Halal
	Al-Quran	Hanya Allah Yang Maha Esa	Halal
	Al-Quran	Mengharap Keampunan Allah	Halal
Tingkatan 3	Al-Quran	Allah Pengampun Segala Dosa	Halal
	Al-Quran	Al-Quran Petunjuk Kebenaran	Halal
	Al-Quran	Generasi Unggul	Halal
Tingkatan 4	Al-Quran	Larangan Mempersendakan Agama	Haram
	Hadis	Hindari Dosa-dosa Besar	Haram

Jadual 3: Tajuk-tajuk bidang akidah berkaitan kurikulum halal secara eksplisit

b) Ibadah

Keseluruhan tajuk ibadah daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 5 termasuk dalam perkara halal, kecuali perkara-perkara yang haram dilakukan ketika sesuatu ibadah itu dilakukan. Contohnya, dalam bab puasa, ada perkara haram dilakukan ketika puasa seperti makan dan minum. Maka, perkara haram itu termasuk dalam perkara haram. Selainnya termasuk dalam perkara halal. Penyusunan kurikulum ibadah adalah seperti berikut:

Pembelajaran ibadah

Tingkatan 1	Bersuci, Istinjaq, Wudhuk, Mandi Wajib dan Solat
Tingkatan 2	Solat Jemaah, Solat Jumaat, Tayammum, Rukhsah, Puasa dan Solat Sunat Rawatib, Terawih dan Witir
Tingkatan 3	Pengurusan Jenazah, Zakat, Solat Raya, Qiamullail dan Solat Tahiyatul Masjid serta Solat Hajat
Tingkatan 4	Haji dan Umrah, Sembelihan, Ibadah Korban dan Akikah serta Solat Sunat Dhuha dan Gerhana
Tingkatan 5	Solat Istikharah dan Tasbih

Jadual 4: Bidang ibadah berkaitan kurikulum halal secara eksplisit

c) Nikah

Tajuk nikah diperkenalkan kepada pelajar tingkatan 5. Kebanyakan konten mengenai nikah bersifat halal, merangkumi empat aspek, iaitu;

- proses pernikahan bermula dari merisik, meminang sehingga nikah,
- urusan berkaitan pernikahan seperti mahar, walimah, rukun nikah dan perinciannya,
- isu-isu yang berkaitan dengan nikah seperti talak, iddah, rujuk, fasakh dan lain-lain,
- pengurusan harta selepas kematian ahli keluarga, meliputi topik wasiat dan faraidh

Walau bagaimanapun, terdapat juga pengenalan mengenai batasan perkara haram diselitkan, seperti hukum perkahwinan yang haram, wanita yang haram dikahwini, isu tertentu seperti nusyuz dan seumpamanya. Sebagai tambahan, ada juga tajuk-

tajuk lain yang terkait dengan perbahasan halal dan haram dalam nikah, diajar dalam bidang lain, seperti:

Bidang	Tajuk	Kategori	Halal atau Haram
Tingkatan 1	Sirah	Era Masyarakat Jahiliah	Haram
	Akhhlak	Maruah Diri Cerminan Peribadi	Halal
Tingkatan 2	Sirah	Wanita Suri Teladan	Halal
	Akhhlak	Malu Perisai Iman	Halal
Tingkatan 3	Akhhlak	Menyemai Kasih Menuai Sayang	Halal
	Akhhlak	Muliakan Ibu Bapa Bahagiakan Keluarga	Halal
Tingkatan 3	Al-Quran	Kewajipan Menjaga Kehormatan Diri	Halal
Tingkatan 5	Hadis	Setiap Orang Adalah Pemimpin	Halal

Jadual 5: Tajuk lain berkaitan perbahasan halal dan haram

d) Muamalat

Tajuk muamalat secara khusus diperkenalkan sewaktu pelajar berada di tingkatan 4. Kebanyakan konten muamalat bersifat halal, kerana ia merangkumi pembelajaran mengenai konsep muamalah Islam, merangkumi;

- konsep umum seperti maksud, matlamat dan kepentingan muamalat Islam serta rukun dan syarat akad.
- jenis akad seperti jual beli, sewaan, hibah, waqaf, wadiyah, kafalah, rahn, mudharabah, musyarakah dan wakalah.

Turut dijelaskan muamalat yang haram, seperti riba', *gharar*, *dharar* dan judi serta perbezaan antara muamalat Islam dan sistem kewangan konvensional. Selain itu, terdapat juga kaedah mumalat yang diselitkan dalam bidang lain seperti tajuk Larangan Rasuah dalam bidang al-Quran tingkatan 4 dan tajuk Hindari Dosa Besar dalam bidang Hadis tingkatan 4.

e) Jinayah

Tajuk jinayah diperkenalkan secara khusus kepada pelajar tingkatan 5. Ada tiga hukum jinayah yang difokuskan, iaitu; hudud, qisas dan takzir. Oleh kerana tajuk ini memberi fokus kepada jinayah, maka keseluruhan perkara yang dibincangkan bersifat haram. Contoh jinayah yang diperincikan adalah;

Kesalahan	
Hudud	Qazaf, Mencuri, Minum Arak, Merompak, Zina
Qisas	Hukuman setimpal melibatkan kehilangan nyawa atau kecederaan.
Takzir	Hukuman yang tidak ditetapkan oleh Allah, sebaliknya diputuskan dalam mahkamah

Jadual 6: Bidang Jinayah yang berkaitan kurikulum halal secara eksplisit

f) Akhlak

Tajuk akhlak diletakkan dalam satu bidang dan dibicarakan kepada setiap tingkatan. Kebanyakan topik memperkenalkan akhlak mahmudah yang bersifat halal, seperti;

Pembelajaran akhlak	
Tingkatan 1	Amanah
Tingkatan 2	Malu
Tingkatan 3	Pemaaf, Qanaah, Syukur
Tingkatan 4	Khauf, Raja', Wasatiyyah
Tingkatan 5	Tawadhu', Istiqamah

Jadual 7: Bidang akhlak berkaitan kurikulum halal secara eksplisit

Walau bagaimanapun, ada juga topik bersifat haram, terutamanya yang melibatkan akhlak mazmumah, seperti: riya', ujub, hasad yang diajar ketika di tingkatan 5 serta perbandingan antara konsep akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah yang diajar dalam tajuk “Akhlak Terpuji Hiasan Diri” di tingkatan 1. Selain itu, terdapat

banyak perbahasan tentang akhlak diselitkan dalam tajuk-tajuk yang lain, terutamanya akhlak-akhlak baik yang terdapat dalam setiap tokoh yang ditonjolkan dalam bidang Sirah dan Tamadun Islam pada setiap tingkatan.

KESIMPULAN

Kurikulum halal yang diajarkan dalam subjek Pendidikan Islam KSSM bersifat menyeluruh, merangkumi keseluruhan kesemua enam bidang; al-Quran, hadis, akidah, fikah, sirah dan tamadun Islam serta akhlak dan adab Islamiah. Cuma, ia bersifat eksplisit dan implisit. Para guru pendidikan Islam perlu mengetahui bagaimana untuk mengaitkannya dengan konsep umum halal dan haram, sepetimana yang diajarkan dalam tajuk hadis “Mencari yang Halal”. Sebagai cadangan penambahbaikan, hadis “Mencari yang Halal” mungkin boleh dikehadapkan pengajaran mengenainya di tingkatan 1, supaya ia menjadi matan kepada keseluruhan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Oleh hal yang demikian, semua topik lain akan menjadi seperti syarah kepada hadis tersebut. Hal ini sesuai dengan status hadis tersebut sebagai salah satu daripada hadis yang menjadi usul kepada agama (An-Nawawi, 1972; Ibn Hajar al-Asqalani, 1960), sama seperti hadis “Ikhlas dalam Kehidupan” yang diajar di tingkatan 1.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. (2011). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- An-Nawawi, A. Z. M. (1972). *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim*. Beirut: Daru Ihya' at-Turath al-Islami.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 1*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 2*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 3*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan 5*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2016). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Harding, J. (2013). *Qualitative Data Analysis: From Start to Finish*. London: Sage Publications Ltd.
- Ibn Hajar al-Asqalani, A. bin A. (1960). *Fathul Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Darul Makrifah.
- Merriam.S.B. 2009. Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohammad Aizat Jamaludin, Mohd Anuar Ramli, Mariam Abdul Latif, Dzulkifly Mat, & Suhaimi Ab Rahman. (2012). Pendidikan Kepenggunaan Halal Di Malaysia. Dalam Konferensi Antarabangsa Islam Borneo V. Diambil daripada https://www.researchgate.net/publication/255992124_Pendidikan_Kepenggunaan_Halal_Di_Malaysia
- Muslim, I. al-H. A. H. (n.d.). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' at-Turath al-'Arabiyy.
- Noraizan, M & Syuhaida Idha, A. R. (2019). Pendidikan kesedaran halal melalui kurikulum pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam Sekolah-sekolah di Malaysia. GJAT (Special Issue): 133-144.
- Rijaluddin Yahya, Mohd Tajuddin Jamaluddin, Nor Haslina Adam, & Rabiatun Adawiah Che Ramly. (2019). *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rijaluddin Yahya, Norafidah Abdullah, & Wan Ali Akbar Wan Abdullah. (2016). *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rijaluddin Yahya, Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Norafidah Abdullah, & Kyairaniah Abu Hasan. (2018). *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Muhammed Yusof & Luqman Abdullah. (2008). Konsep Halalan Toyiba dalam pemakanan dan implikasinya terhadap kesempurnaan ibadah. *Jurnal Usuluddin* (28):79-92.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Johar Seman, & Salina Busrowi. (2017). *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wizaratul Auqaf wa asy-Syu'un al-Islamiyyah. (n.d.). *al-Mausuah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Kuwait: Wizaratul Auqaf wasy Syu'un al-Islamiyyah.